

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Selasa, 2 Mei 2017

M/S : 30

Dapatkan ISBN dalam platform digital sehenti

Kuala Lumpur: Platform digital sehenti, Sistem Depositori Kebangsaan yang diperkenalkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) memberikan pengalaman baharu dalam pengurusan dokumen digital.

Ketua Pengarahnya, Datuk Nafisah Ahmad, berkata platform depositori itu yang berfungsi sepenuhnya untuk digunakan oleh penerbit dan penulis bagi mendapatkan Standard Data Pengkatalogan Antarabangsa (ISBN) secara dalam talian.

"Dengan mengakses depositori

ini, pelanggan PNM bukan sahaja akan disediakan metadata, bahkan mereka boleh mengakses platform ini dari jauh.

"Bagaimanapun, disebabkan penyerahan buku secara fizikal adalah mandatori mengikut undang-undang, penerbit juga boleh menghantar salinan digital mereka melalui cara yang terjamin sebelum salinan fizikal dihantar kepada kami melalui perkhidmatan penghantaran pos," katanya dalam ucapan pada Majlis Pelancaran Sistem Depositori Kebangsaan di Future Library



Nafisah Ahmad

Convention Asia 2017, Persidangan Pusat Dagangan Hak Cipta Kuala Lumpur (KLTCC) di sini.

Sasar jualan potensi harta

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota Buku (PKB), Sayed Munawar Sayed Mustar.

KLTCC yang berlangsung selama tiga hari, julung kalinya memperkenalkan Future Library Convention Asia 2017.

Sementara itu, Sayed Munawar berkata, KLTCC 2017 menyasarkan jualan potensi harta intelek

sebanyak AS\$20 juta (RM87 juta) melalui 600 padanan perniagaan yang sepanjang tiga hari persidangan berkenaan.

Beliau berkata sejak sedekad lalu, KLTCC membuktikan prestasi sebagai inisiatif penting dalam perdagangan hak cipta dengan tahun lalu sahaja, mencatatkan hampir AS\$15 juta (RM65 juta) dalam potensi jualan harta intelek, sekali gus menunjukkan kekukuhannya sebagai platform penting menghasilkan harta intelek berkualiti untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.